



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume5, Issue 4, April 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
www.msocalsciences.com

### Hubungan Kepimpinan Teknologi Pengetua dalam Pengurusan Kurikulum dan Efikasi Kendiri Guru

Tisebio Tiop<sup>1</sup>, Roslee Talip<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Tisebio Tiop (tisebiotiop570@gmail.com)

#### Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan dianalisis menggunakan perisian SPSS 25.0. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi yang ditadbir ke atas 306 orang guru. Statistik deskriptif dan inferensi seperti peratus, min, sisihan piawaian, Ujian-*t*, dan korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab soalan kajian. Analisis deskriptif menunjukkan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru diamalkan pada tahap yang tinggi. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan di antara kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru berdasarkan jantina  $t(306) = 0.001, k < .05$ , dengan min kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum bagi lelaki ( $M = 4.349$ ) dan perempuan ( $min = 3.348$ ). Manakala, min efikasi sendiri guru bagi lelaki ( $M = 4.342$ ) dan perempuan ( $min = 4.376$ ). Ujian korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan linear yang positif yang tinggi bagi kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru ( $r = .460, k < 0.05$ ). Implikasi dan cadangan kajian lanjut turut dibincangkan.

**Kata kunci:** kepimpinan teknologi pengetua, pengurusan kurikulum, efikasi sendiri guru, pengalaman mengajar, sekolah menengah

### The Relationship of Principal Techology Leadership in Curriculum Management and Teacher's Self-Efficacy

#### Abstract

This study aimed at identify the influence of principal technology leadership in curriculum management towards teachers' self-efficacy in secondary school district of Kota Kinabalu, Sabah. This is a quantitative research using questionnaire as an instrument and is analyzed using SPSS 25.0. Data was collected through a set of adapted questionnaires administered to 306 teachers. Descriptive and inferential statistics such as percentage, mean, standard deviation, t-test, and Pearson correlation were used to analyze the data to answer the research questions. Descriptive analysis principal technology leadership in curriculum management and teachers' self-efficacy being practised at a high level. Findings of the study showed that there is no significant difference in the min score of principal technology leadership in curriculum management and teachers' self-efficacy according to gender  $t(306) = 0.001, k < .05$ , with mean of principal technology leadership in curriculum management for male ( $M = 4.349$ ) and female ( $M = 4.348$ ). While, mean of teachers' self-efficacy for male (mean =

4.342) and female (mean = 4.376). Pearson correlation test indicated a high positive linear relationship for principal technology leadership in curriculum management with teachers' self-efficacy ( $r = .460$ ,  $k < 0.05$ ). The implications and suggestions for further study are also discussed.

**Keywords:** principal technology leadership, curriculum management, teachers' self-efficacy, teaching experience, secondary school

---

## Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami transformasi pendidikan berhadapan dengan dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang dilaksanakan secara berfasa meliputi pelbagai dimensi. Anjakan keempat dalam (PPPM 2013-2025) bertujuan untuk mentransformasikan keguruan sebagai profesion pilihan. Aspek efikasi sendiri guru perlu ada dalam diri setiap guru bagi meningkatkan kualiti guru dan keberkesanan sekolah. Efikasi sendiri merujuk kepada sejauh mana individu mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap keupayaan dirinya dalam mencapai sesuatu matlamat. Perubahan dalam sistem pendidikan negara memerlukan kecekapan sendiri yang tinggi daripada guru dan pemimpin sekolah agar dapat memenuhi matlamat pendidikan negara. Walau bagaimanapun, profesion keguruan sentiasa berhadapan dengan banyak halangan dan cabaran dari sudut kebendaan, intelektual, pemikiran, kerohanian, kebudayaan, ideologi baharu dan masalah etika (Hakimi Ismail, 2015). Oleh itu, guru perlu memenuhi pelbagai keperluan kompetensi untuk melaksanakan tugas mereka secara profesional.

Selain guru, pengetua yang merupakan pemimpin tertinggi di sekolah juga memainkan watak penting dalam meningkatkan mutu dan keberkesanan sekolah. Seorang pemimpin sekolah yang berkesan akan sentiasa bergerak aktif untuk memastikan keberkesanan guru agar dapat meningkatkan kecemerlangan di sekolah. Pada masa kini, kepimpinan teknologi dianggap sebagai faktor penting yang mempengaruhi kejayaan integrasi teknologi di sekolah (Metcalf, 2012). Kepimpinan teknologi menjadi salah satu faktor penting dalam memahami kejayaan perubahan sesebuah organisasi (Mei Kin *et al.*, 2018). Kini, pemimpin perlu lebih peka dan bersedia menerima perubahan yang mendadak melalui penerapan ICT dalam organisasi (Espin, Stewart dan Thurston (2018). Kepimpinan teknologi merupakan keperluan yang penting kepada pengurusan yang lebih cekap dalam bidang ICT. Walaupun pelbagai gaya kepimpinan sebelum ini sudah wujud, namun tidak ada satu pun yang menyumbang kepada pentadbiran organisasi berlandaskan ICT secara menyeluruh. Seseorang pemimpin teknologi mampu untuk memberikan semangat dan motivasi kepada pekerja melalui kemudahan teknologi semasa (Akcil *et al.*, 2017). Oleh itu, kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan adalah bergantung kepada pemimpinnya (Mansor dan Hamzah, 2015).

## Pernyataan Masalah

Efikasi sendiri guru merupakan salah satu faktor penting dalam bidang pendidikan yang dapat menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Bandura (1986), efikasi sendiri mempunyai pengaruh terhadap prestasi dengan meningkatkan usaha dan kegigihan. Namun begitu, kegagalan guru melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berkualiti, ketiadaan infrastruktur asas yang lengkap, masalah kekurangan guru berkecukupan, sumber bahan pengajaran yang terhad dan perubahan kurikulum yang drastik menjadi antara isu yang sering diutarakan (Utusan Borneo Sabah, 2017).

Pada masa kini, salah satu faktor penting yang membawa kepada kejayaan perubahan sesebuah organisasi adalah melalui kepimpinan teknologi (Mei Kin *et al.*, 2018). Kepimpinan teknologi merujuk kepada kemampuan dan daya pengaruh pemimpin untuk mengembangkan potensi dan kapasiti ahli organisasi iaitu guru dan pelajar seiring dengan perubahan melalui penghasilan inovasi yang dapat memacu kecemerlangan dan keberkesanan sekolah (Moktar, 2011). Oleh itu, pemimpin merupakan faktor penentu kepada kecemerlangan sesebuah institusi (Mansor dan Hamzah, 2015). Pemimpin

sekolah perlu mengamalkan kepimpinan teknologi untuk menjadi pemimpin sekolah yang berkesan (Noraini Abdulah, Hamidon Khalid dan Mohd. Izham, 2015).

Kajian yang telah dijalankan oleh Horton (2013) juga menunjukkan kepimpinan mampu mempengaruhi efikasi diri guru dan secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian dan kecemerlangan pelajar. Oleh itu, kejayaan sesebuah sekolah bukan hanya semata-mata bergantung kepada pelajar tetapi guru juga memainkan peranan utama di bawah kepimpinan seorang pengetua yang berkesan.

Kajian lepas juga membuktikan kepimpinan pengetua memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap kecemerlangan pelajar (Tschannen-Moran dan Gareis, 2015). Selain itu, menurut Widhyanti dan Shahril@Charil (2016) kepimpinan pengetua mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap kejayaan sekolah, pencapaian pelajar dan komitmen guru. Namun begitu, kajian-kajian lampau memperlihatkan bahawa ramai pemimpin sekolah mempunyai tahap dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang rendah (Sathiamoorthy, 2013) dan sederhana (Mohd Izham *et al.* (2014).

Perbezaan dapatan yang berkaitan dengan aspek demografi seperti jantina juga sering menjadi persoalan dan hasil penyelidikan mempamerkan keputusan berbeza-beza (Scherer dan Siddiq, 2015). Menurut Scherer, Tondeur dan Siddiq (2017), pengetahuan tentang latar belakang guru sangat penting bagi mengungkap perbezaan dalam niat dan tindakan golongan ini. Beberapa penyelidikan membuat kesimpulan bahawa faktor demografi khususnya jantina mempunyai pengaruh terhadap efikasi sendiri guru (Talip, 2010; Wan Noraini, 2011; Mohd Munaim, 2013). Walau bagaimanapun, kajian secara mendalam berkaitan pengaruh latar belakang terutamanya jantina terhadap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru masih kurang dianalisis dengan terperinci.

## Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bermatlamat mengenal pasti hubungan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum terhadap efikasi sendiri guru di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu, Sabah. Objektif yang disasarkan bagi kajian ini adalah untuk:

- i. Mengukur tahap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru.
- ii. Mengetahui perbezaan skor min kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru berdasarkan jantina.
- iii. Mengetahui hubungan yang signifikan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru.

## Hipotesis Kajian

Berpandukan objektif kajian, beberapa hipotesis nul telah dibina. Kajian ini menggunakan aras hipotesis nul berikut:

Ho<sup>1</sup> Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum berdasarkan jantina

Ho<sup>2</sup> Tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap efikasi sendiri guru berdasarkan jantina.

Ho<sup>3</sup> Tidak terdapat hubungan yang signifikan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru.

## **Tinjauan Literatur**

### ***Efikasi Kendiri Guru***

Efikasi sendiri guru merujuk kepada Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998) adalah kepercayaan guru tentang kemampuan diri bagi merancang dan melakukan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik selain mempunyai tingkah laku dan sikap yang positif terhadap setiap usaha mereka. Dengan kata lain, efikasi sendiri guru boleh diterjemahkan sebagai kepercayaan dan keyakinan guru terhadap kemampuan mereka untuk mengajar dalam situasi pengajaran. Berpandukan literatur yang telah dijelaskan, efikasi sendiri guru dalam kajian ini dioperasikan dari tiga konstruk utama iaitu, strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid.

Kajian lepas berkaitan efikasi sendiri turut menunjukkan pelbagai hasil dapatan merentasi lokasi dan tahun penyelidikan berdasarkan faktor demografi khususnya jantina dalam membezakan persepsi, pandangan dan kepercayaan guru. Kajian yang dijalankan oleh Mardhiah dan Rabiatul-Adawiyah (2016) mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi efikasi sendiri guru berdasarkan faktor jantina. Beliau mendapati guru lelaki mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding guru perempuan. Dapatan ini juga disokong oleh Shafinaz (2017), yang mendapati bahawa guru lelaki mempunyai efikasi sendiri yang tinggi bagi ketiga-tiga dimensi dan dimensi pengurusan bilik darjah adalah yang tertinggi.

Namun begitu, dapatan kajian Narahan (2016) pula sebaliknya. Beliau mendapati bahawa efikasi sendiri antara guru lelaki dan perempuan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan. Keputusan ini menggambarkan bahawa persepsi guru memiliki efikasi yang sama tanpa mengira jantina.

### ***Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum***

Kepimpinan teknologi merujuk kepada kemampuan dan daya pengaruh pemimpin mengembangkan potensi dan kapasiti ahli organisasi iaitu guru dan pelajar seiring dengan perubahan melalui penghasilan inovasi yang dapat meningkatkan kecemerlangan dan keberkesanan sekolah (Moktar 2011). Pengetua bertindak sebagai pemimpin kurikulum di sekolah dan perlu memahami mengenai fungsi ICT di sekolah dan tahu bagaimana cara untuk mengaplikasikannya.


Berdasarkan penjelasan yang telah dibincangkan, kepimpinan teknologi pengetua dalam kajian ini didefinisikan sebagai keupayaan dan daya pengaruh pengetua dalam mengembangkan potensi guru dan pelajar seiring dengan perubahan melalui penghasilan inovasi yang dapat meningkatkan kecemerlangan sekolah. Kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dalam kajian ini diukur dari sudut persepsi guru merangkumi beberapa konstruk tingkah laku pengetua yang ditunjukkan iaitu kepimpinan berwawasan, budaya pembelajaran era digital, kecemerlangan amalan professional, penambahbaikan menyeluruh dan warga digital.

Dapatan kajian oleh Raamani Thannimalai dan Arumugam Raman (2018) menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan teknologi pengetua adalah tinggi. Persamaan hasil dapatan berkaitan tahap amalan kepimpinan teknologi pengetua juga dilaporkan dalam kajian Noraini Abdullah, Hamidon Khalid dan Mohd Izham Mohd Hamzah. (2015). Mereka berpendapat bahawa pemimpin sekolah pada masa kini mempunyai peranan penting dalam pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Menyentuh perkara yang sama, Alkrdem (2014) dalam penyelidikannya turut mendapati kepimpinan teknologi diamalkan pada tahap tinggi.

## **Kerangka Konseptual Kajian**

Dalam kajian ini, efikasi sendiri guru ditetapkan sebagai pemboleh ubah bersandar, manakala kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum bertindak sebagai pemboleh ubah bebas

kajian. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual mengenai hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

## Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah jenis bukan eksperimental. Kaedah tinjauan sampel digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul maklumat daripada sebahagian populasi berkaitan pemboleh ubah kajian. Bagi memudahkan usaha memperoleh data, di samping memastikan kebolehpercayaan, kesahihan, dan kebolehperihal data yang diperoleh, pendekatan kuantitatif digunakan. Penyelidikan ini turut mengkaji perbandingan persepsi guru dari aspek demografi iaitu jantina terhadap pemboleh ubah kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru.

Populasi dalam kajian ini adalah merujuk kepada guru sekolah menengah harian biasa yang menerima bantuan penuh kerajaan di daerah Kota Kinabalu Sabah. Terdapat 18 buah sekolah menengah yang terdaftar dalam daerah Kota Kinabalu dengan seramai 1492 orang guru sedang berkhidmat (Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, 2019). Bilangan guru tersebut ditetapkan menjadi populasi kajian ini. Penyelidik telah menetapkan saiz sampel kajian sebanyak 100 orang sampel digunakan dalam kajian ini berdasarkan saiz sampel ( $N=100$ ) untuk populasi yang melebihi ( $N>890$ ) sebagaimana yang dicadangkan oleh (Krejcie dan Morgan, 1970). Menurut Sekaran dan Bougie (2010) saiz sampel melebihi 30 orang dan kurang daripada 500 orang adalah mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan kajian.

Borang soal selidik merupakan instrumen utama yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Penggunaan borang soal selidik adalah bertepatan dan sesuai digunakan bagi mendapatkan data terutamanya kajian berbentuk kuantitatif yang memerlukan saiz sampel besar dan menyeluruh (Jacob dan Ary, 1990; Babbie, 2001; Mohd. Majid Konting, 2000; Chua, 2006). Skala pengukuran yang digunakan dalam kajian ini ialah skala Likert lima mata. Alat kajian yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah bebas kajian ini ialah *Principal Technology Leadership Assessment (PTLA)* yang telah dibangunkan *International Society for Technology In Education (ISTE)* (2009). Beberapa penyelidik terdahulu seperti Leong (2017), Hamzah *et al.* (2016), Faridah Juraime (2017) dan terkini Raamani Thannimalai dan Arumugam Raman (2018) dan Norhayati Md Darus (2018) telah menggunakan alat pengukur ini.

Manakala, pengukuran bagi pemboleh ubah bersandar kajian ini ialah *Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES)* oleh Tschanen-Moran dan Hoy (2001). Instrumen ini sangat bersesuaian dan bertepatan sebagai pengukuran variabel efikasi sendiri guru dari aspek strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid. Beberapa kajian lepas telah menggunakan soal selidik ini seperti Nurulakhma Yahya, Harun Baharudin dan Mohd Isa Hamzah (2017), Shafinaz, Chua Yan Piaw, Hussein Ahmad, Leong dan Shahrin Alias (2017), dan Noor Zailani binti Khozan dan Azlin Norhaini binti Mansor (2017).

## Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis deskriptif terhadap pemboleh ubah jantina, didapati sebanyak 91 orang (29.7%) adalah responden lelaki, manakala selebihnya 215 orang (70.3%) merupakan responden perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan skor min responden lelaki dan perempuan adalah pada tahap tinggi bagi setiap pemboleh ubah. Secara bandingan, skor min responden perempuan adalah lebih tinggi sedikit berbanding skor min responden lelaki bagi kedua-dua pemboleh ubah. Umumnya, analisis menunjukkan responden lelaki dan perempuan mempunyai tahap yang tinggi sama ada dalam persetujuan dan kekerapan melakukan terhadap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skor Min Pemboleh Ubah kajian Mengikut jantina

Jantina	Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum	Efikasi Kendiri Guru
Lelaki	<i>M</i>	4.349
	<i>SD</i>	0.313
	<i>N</i>	91
Perempuan	<i>M</i>	4.348
	<i>SD</i>	0.281
	<i>N</i>	215
<b>Jumlah</b>	<i>M</i>	3.733
	<i>SD</i>	0.432
	<i>N</i>	306

## Tahap Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum dan Efikasi Kendiri Guru

Analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, dan min digunakan untuk menentukan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru. Tahap pemeringkatan adalah berdasarkan panduan yang diberikan oleh Levin dan Rubin (1998). Tahap pemeringkatan dilaporkan sama ada tinggi, sederhana, atau rendah. Keputusan analisis pemeringkatan tahap ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah diamalkan pada tahap tinggi iaitu kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum sebanyak 63.0% dan efikasi sendiri guru sebanyak 57.0%. Hanya sebilangan kecil guru yang mempersepsikan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru mereka pada tahap sederhana seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum dan Efikasi Kendiri Guru

Pemboleh Ubah	Tahap		Jumlah
	Sederhana N (%)	Tinggi N (%)	
Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum	131 (37.0%)	175 (63.0%)	306

Efikasi Kendiri Guru 129 (42.2%) 177 (57.8%) 306

### ***Tahap Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum Mengikut Dimensi***

Analisis statistik deskriptif yang seterusnya dalam kajian ini akan menganalisis tahap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan efikasi sendiri guru di sekolah menengah di daerah Kota Kinabalu. Jadual 3 mengandungi nilai min dan sisihan piawai terhadap lima dimensi kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum. Dapatan menunjukkan tahap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum pada semua dimensi berada pada tahap tinggi.

Jadual 3: Skor Min Dan Tahap Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum Mengikut Dimensi

<b>Dimensi KTPDPK</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Kepimpinan Berwawasan	4.502	0.418	Tinggi
Budaya Pembelajaran Era Digital	4.279	0.445	Tinggi
Kecemerlangan Amalan Profesional	4.328	0.361	Tinggi
Penambahbaikan Menyeluruh	4.376	0.355	Tinggi
Warga Digital	4.161	0.385	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	4.317	0.393	Tinggi

### ***Tahap Efikasi Kendiri Guru Mengikut Dimensi***

Manakala Jadual 4 menunjukkan persepsi guru akademik terhadap tahap efikasi sendiri secara keseluruhannya juga pada tahap tinggi. Ketiga-tiga dimensi efikasi sendiri guru menunjukkan pada tahap tinggi.

Jadual 4: Skor Min dan Tahap Kepimpinan Efikasi Kendiri Guru Mengikut Dimensi

<b>Dimensi KTPDPK</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Strategi Pengajaran	4.313	0.411	Tinggi
Pengurusan Bilik Darjah	4.335	0.383	Tinggi
Penglibatan Murid	4.445	0.460	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	4.301	0.341	Tinggi

### ***Ho<sup>1</sup> Tidak Terdapat Perbezaan skor min yang signifikan Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum Berdasarkan Jantina***

Analisis bagi sampel kajian ini ( $N=306$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan min antara kedua-dua kumpulan responden dalam kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum. Analisis yang dilakukan menunjukkan min responden lelaki ( $M=4.349$ ,  $SD=0.313$ ,  $N=91$ ) lebih tinggi sedikit berbanding min responden perempuan ( $M=4.348$ ,  $SD=0.281$ ,  $N=215$ ). Perkara ini menunjukkan bahawa responden lelaki mempunyai persepsi lebih tinggi sedikit terhadap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan berbanding responden perempuan. Berdasarkan Jadual 5 yang memaparkan hasil analisis Ujian-t bagi pemboleh ubah kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum, keputusan yang diperolehi bagi sampel kajian ini ( $N=306$ ) adalah tidak signifikan ( $t=0.050$ ,  $df=304$ ,  $p>0.05$ ). Hal ini bermakna Hipotesis Nul 2 ( $H_0^2$ ) gagal ditolak. Oleh sebab itu, dapatan ini merumuskan bahawa tidak terdapat kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum antara guru lelaki dan perempuan. Analisis Ujian-t ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis Ujian-t Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum Berdasarkan Jantina

Pemboleh Ubah		<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>F</i>	Nilai-t	<i>df</i>	<i>Sig</i> (2- Hujung)
KTPDPK	Lelaki	4.349	0.313	2.112	.050	304	.960
	Perempuan	4.348	0.281				

\*Signifikan pada tahap  $p < 0.05$  (2-Hujung)

KTPDPK – Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum

### ***Ho<sup>2</sup> Tidak Terdapat Perbezaan skor min yang signifikan Efikasi sendiri Guru Berdasarkan Jantina***

Analisis bagi sampel kajian ini ( $N=306$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan min antara kedua-dua kumpulan responden dalam efikasi sendiri guru. Analisis yang dilakukan menunjukkan min responden lelaki ( $M=4.342$ ,  $SD=0.360$ ,  $N=91$ ) sedikit lebih rendah berbanding min responden perempuan ( $M=4.376$ ,  $SD=0.369$ ,  $N=215$ ). Perkara ini menunjukkan bahawa responden perempuan mempunyai efikasi sendiri lebih tinggi berbanding responden lelaki. Berdasarkan Jadual 4 yang memaparkan hasil analisis Ujian-t bagi pemboleh ubah efikasi sendiri guru, keputusan yang diperoleh bagi sampel kajian ini ( $N=306$ ) adalah tidak signifikan ( $t=.455$ ,  $df=304$ ,  $p < 0.05$ ). Hal ini bermakna Hipotesis Nul 2 ( $Ho^2$ ) ditolak. Oleh sebab itu, dapatan ini merumuskan bahawa tidak terdapat efikasi sendiri antara guru lelaki dan perempuan. Analisis Ujian-t ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Analisis Ujian-t Efikasi Kendiri Guru Berdasarkan Jantina

Pemboleh Ubah		<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>F</i>	Nilai-t	<i>df</i>	<i>Sig</i> (2- Hujung)
EKG	Lelaki	4.342	0.360	.179	-.748	304	.455
	Perempuan	4.376	0.369				

\*Signifikan pada tahap  $p < 0.05$  (2-Hujung)

EKG - Efikasi Kendiri Guru

### ***Ho<sup>3</sup> Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum Dengan Efikasi Kendiri Guru***

Keputusan nilai koefisien ujian Korelasi Pearson bagi jumlah sampel kajian ( $N=306$ ) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7 menunjukkan terdapat korelasi positif yang signifikan antara pemboleh ubah bebas kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum ( $r=0.460$ ,  $p < 0.01$ ) dengan pemboleh ubah bersandar efikasi sendiri guru. Kekuatan hubungan adalah sederhana berpandukan indeks korelasi yang dicadangkan Cohen, Manion, dan Morrison (2007). Memandangkan dapatan menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, maka Hipotesis Nul 3 ( $Ho^3$ ) ditolak. Justeru, kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru.

Jadual 7: Analisis Korelasi Pearson Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum dengan Efikasi Kendiri Guru

Pemboleh Ubah		KTPDPK
Efikasi Kendiri Guru	Korelasi Pearson	.460**
	P (sig)	.000



\*\*Signifikan pada Tahap  $p < 0.01$  (2-Hujung)

KTPDPK – Kepimpinan Teknologi Pengetua Dalam Pengurusan Kurikulum

## Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis deskriptif yang dilakukan, kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum berdasarkan persepsi guru adalah berada pada tahap yang tinggi. Anjakan kelima dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah bertujuan untuk memastikan kepimpinan prestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Sistem pendidikan negara akan menjadi lebih berkualiti dan boleh dipertingkatkan dengan kehadiran pentadbir berprestasi tinggi.

Dapatan kajian ini menyokong kajian Raamani Thannimalai dan Arumugam Raman (2018) sebelum ini yang menunjukkan tahap kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum adalah tinggi. Kajian ini juga selari dengan kajian Noraini Abdullah, Hamidon Khalid dan Mohd Izham (2015) yang mendapati bahawa pemimpin sekolah abad ke-21 mempunyai tugas yang penting dalam pengintegrasian teknologi sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran mahupun dalam pengurusan dan kepimpinan. Kajian ini juga menyamai kajian Faridah Juraimi (2017) mengenai kepimpinan teknologi pengetua terhadap prestasi akademik sekolah di mana menunjukkan bahawa tahap kepimpinan teknologi pengetua adalah pada tahap tinggi diamalkan. Melalui dapatan kajian ini, terbukti kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum adalah tinggi. Hal ini kerana pengetua memainkan peranan yang penting dalam merancang dan menyokong segala aktiviti-aktiviti akademik dalam usaha untuk mencapai keberkesanan sekolah selaras dengan perkembangan pendidikan semasa yang memberikan penekanan terhadap integrasi teknologi di sekolah.

Kajian ini juga menyimpulkan efikasi sendiri guru adalah pada tahap yang tinggi. Perkara ini bermakna guru mempunyai kepercayaan yang tinggi dalam pengajarannya. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Shafinaz (2017) yang menunjukkan tahap efikasi sendiri guru adalah tinggi. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Nurulakhma Yahya, Harun Baharudin dan Mohd Isa Hamzah (2017) juga mendapati bahawa tahap efikasi sendiri guru adalah tinggi dalam pengajaran bahasa Arab. Melihat kepada hasil dapatan kajian mereka ini, jelas menunjukkan bahawa efikasi sendiri guru dalam aspek strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Selain itu, kajian luar negara oleh Azizuddin, Fleva dan Qazi (2015) juga mendapati tahap efikasi guru sekolah di India adalah tinggi. Kemudian, kajian oleh Linda Hoxha dan Zamira Hyseni-Duraku (2017), juga menunjukkan tahap efikasi sendiri guru adalah tinggi. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tanggapan individu dan rangsangan intelektual merupakan peramal yang kuat terhadap efikasi sendiri guru dalam pengajaran.

Kajian ini memutuskan bahawa tiada perbezaan dalam kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum berdasarkan jantina. Keputusan kajian ini menyamai kajian Leong (2017) dan Chee (2012). Kedua-dua kajian ini menunjukkan bukti kukuh dan jelas bahawa tidak terdapat perbezaan antara guru lelaki dan guru perempuan berkaitan amalan kepimpinan teknologi pengetua di lokasi kajian masing-masing. Selain itu, kajian Raamani Thannimalai dan Arumugam Raman (2018) turut menunjukkan keputusan kepimpinan teknologi pengetua dan integrasi teknologi guru di sekolah berdasarkan jantina tidak menunjukkan perbezaan. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan terdapat perbezaan skor min yang kecil antara guru lelaki dan perempuan dalam efikasi sendiri. Hal ini bermakna, guru perempuan mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding dengan guru lelaki. Perbandingan skor min ini selari dengan dapatan beberapa kajian sebelumnya. Antaranya, kajian Ongowo Hungi, (2014), Arslan (2013) dan Andersen (2011). Walau bagaimanapun, kajian ini ternyata tidak sehaluan dengan dapatan Shafinaz (2017) dan Okeny dan Enyi (2015) yang membuat rumusan bahawa guru lelaki mempunyai tahap efikasi yang lebih tinggi berbanding dengan guru perempuan.

Kajian ini menyimpulkan bahawa hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah signifikan. Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan adalah sederhana

diperoleh antara kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru. Secara keseluruhannya, darjah hubungan linear antara kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru adalah positif. Efikasi sendiri guru juga penting dan mempunyai hubungannya dengan keberkesanan kepemimpinan di sekolah dalam meningkatkan kualiti dan mutu sistem pengurusan di sekolah. Tinjauan terhadap penyelidikan Chee (2012) memberikan isyarat yang jelas bahawa kepemimpinan teknologi pengetua mempunyai hubungan yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru. Beliau menyatakan bahawa kepemimpinan teknologi pengetua mempengaruhi penggunaan ICT oleh guru dalam pengajaran adalah secara langsung dan tidak langsung melalui efikasi sendiri guru bergantung kepada tahap kemahiran ICT guru. Dapatan ini juga sejajar dengan kajian terdahulu yang mempunyai penemuan yang sama seperti Linda Hoxha dan Zamira Hyseni-Duraku (2017).

## Implikasi dan Cadangan

Secara rumusnya, hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah signifikan. Kekuatan hubungan adalah sederhana diperoleh antara pemboleh ubah kepemimpinan teknologi dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru. Secara keseluruhannya, darjah hubungan linear antara kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dengan efikasi sendiri guru adalah positif. Kepimpinan pengetua amat penting bagi meningkatkan keberkesanan guru agar dapat mencapai kecemerlangan sekolah.

Penyelidikan ini memberi input terhadap beberapa teori yang mendasari kajian berkaitan efikasi sendiri guru dan kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum. Kajian ini membuktikan Teori Efikasi Kendiri Tschanen-Moran dan Hoy (2001) dan Model Efikasi Kendiri Guru Tschanen-Moran dan Hoy (1998, 2001) adalah menyokong dapatan kajian yang diperoleh. Kajian ini turut menyumbang terhadap kefahaman mengenai beberapa teori dan model berkaitan kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum seperti Teori Laluan Matlamat House (1971) dan Model Kepimpinan Leithwood dan Jantzi's (2006). Ringkasnya, kajian ini membuktikan bahawa teori dan model berkaitan masih relevan dengan situasi semasa.

Dapatan kajian ini membuka ruang dan menjadi panduan penyelidikan akan datang berkaitan kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum dan hubungannya terhadap efikasi sendiri guru. Peranan faktor demografi terutamanya jantina turut memberi maklumat tambahan berkaitan perbezaan antara kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian ini.

## Kesimpulan

Berdasarkan penemuan kajian, didapati pemboleh ubah bebas iaitu kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum yang dikaji menunjukkan terdapat hubungan dengan efikasi sendiri guru. Oleh itu, kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum perlu diamalkan dalam pengurusan di sekolah. Keberkesanan pembaharuan dalam pendidikan bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pengetua dan guru, di samping pelbagai faktor selain aspek kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan kurikulum seperti yang dirumuskan kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah, N., Khalid, H., & Hamzah, M. I. M. (2015). Amalan kepemimpinan teknologi pengetua dalam pengintegrasian ICT di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015*. Kuala Lumpur.
- Alkrdem, M. (2014). Technological leadership behaviour of high school head teachers in Asia Region, Saudi Arabia. *Journal of International Education Research (JIER)*, 10(2), 95-100.

- A. Maulod, S., Yan Piaw, C., Ahmad, H., Mei Wei, L., & Alias, S. (2017). Kecerdasan Emosi Pengetua Dan Hubungannya Dengan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3), 54-75.
- Andersen, L. B. (2011). *Teacher diversity: Do male and female teachers have different self-efficacy and job satisfaction?* European Group for Public Administration (EGPA).
- Arslan, A. (2013). Investigation of Relationship between Sources of Self-efficacy Beliefs of Secondary School Students and Some Variables. *Educational Sciences: Theory & Practice - 13(4)*: 1983 – 1993.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (1990). *Introduction to research in education* (4th ed.). Fort Worth, TX: Holt, Rinehart, and Winston.
- Azizuddin, K., Fleva, E., & Qazi, T. (2015). Role of Self-Esteem and General Self-Efficacy in Teachers' Efficacy in Primary Schools. *Psychology*, 6, 117- 125.
- Babbie, E. R. (2001). *The Practice of Social Research (9th ed)*. Belmont, California: Wadsworth Thompson Learning.
- Chee K. S. (2012). *The Influence of Principal's Technology Leadership on Teacher' Self- Efficacy and ICT Use In Teaching*. (Doctoral Thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Cohen L., Manion L., and Morrison K. (2007). *Research Methods in Education. (6th Ed.)* USA: Routledge.
- Fisher, D. M., & Waller, L. R. (2013). *The 21st century principal: A study of technology leadership and technology integration in Texas K-12 schools*. *The Global E Learning Journal*, 2(4), 1-44.
- Hakimi Ismail. (2015). Cabaran Baharu Kerjaya Guru Abad Ke 21. *Utusan Online*. 15 Mei 2015.
- Hallinger, P. 2005. Instructional Leadership and the school principal: A Passing Fancy that Refuses to Fade Away. *Leadership and Policy in Schools*, 4, 1-20.
- Horton, T. (2013). *The relationship between teachers' sense of efficacy and perceptions of principal instructional leadership behaviors in high poverty schools*. (Unpublished Doctoral Tesis). University of Texas at Arlington.
- Hoxha, L. & Hyseni Duraku, Z. (2017). The Relationship between Educational Leadership and Teachers' Self-efficacy. *The European Journal of Social and Behavioural Sciences EJSBS XX*
- Hussein Ahmad. 2007. Towards World Class Leadership Model of Principals for School in The Future. *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-14*, Institut Aminuddin Baki, 25-27 Jun.
- International Society for Technology in Education. (2009). *National Education Technology Standards for Administrators*. Dipetik dari <http://www.iste.org/docs/pdfs/nets-astandards.pdf>. Pada 13 Mei 2019.
- Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. (2019). *Data Bilangan Guru Mengikut Sekolah Dan PPD di Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Sektor Pengurusan Maklumat dan ICT.
- Jamaluddin, R., Abu, R., Rashid, A. M. & Ismail, H. (2014). *Tahap Efikasi Kendiri Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Kekeluargaan*. UTM Press.
- Kalaivani Muniandy & Azlin Norhaini Binti Mansor. (2017). *Kepimpinan Transformasional Guru Besar dan Hubungannya dengan Tahap Efikasi Kendiri Guru*. *LSPGABC Conference 2018*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. KPM: Putrajaya.
- Krejcie, R. V and Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Leithwood, K., & Jantzi, D. (2006). Transformational School Leadership for Large-Scale Reform: Effects on Students, Teachers, and Their Classroom Practices. *School Effectiveness and School Improvement*, 17(2), 201-227.
- Leong, M. W. (2017). *Principal Technology Leadership Practices, Teacher Ict Competency, And Teacher Acceptance Of School Management System (SMS) In Negeri Sembilan Secondary Schools*. (Doctoral Thesis), University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Levin, R. I., & Rubin, D. S. (1998). *Statistics for Management in Classroom*. New York: Holt, Rinehart and Wilson.
- Mansor, R., & Hamzah, M. I. M. (2015). Kepimpinan Berkualiti: Perspektif mengenai kompetensi yang diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45, 143-154.

- Mardhiah, J., & Rabiatal-Adawiyah, A. R. (2016). Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dengan Efikasi Kendiri Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3): 1 – 16.
- Mohd Izham Mohd Hamzah, Faridah Juraime, Aida Hanim A. Hamid, Norazah Nordin & Noraini Attan. (2014). Technology leadership and its relationship with School-Malaysia Standard of Education Quality (School-MSEQ). *International Education Studies*; 7(13), 278-285.
- Mohd Majid, K. (2000). *“Kaedah Penyelidikan Pendidikan”*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Munaim, M. (2013). Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar Ke Atas Efikasi Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 14: 232-251.
- Mohamad Razi Ashibihani. (2013). *Amalan Kepimpinan Autentik Pengetua Dan Komitmen Guru Di Sekolah Menengah*. (Tesis Sarjana Pendidikan). Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Narahan bin Raduan. (2016). *Pengaruh tingkah laku kepimpinan instruksional, kepuasan kerja, kecerdasan emosi dan efikasi guru terhadap komitmen organisasi dalam kalangan guru sekolah New Deal di negeri Sarawak*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Norhayati, M. D., & Aida Hanim, A. H. (2018). Kepimpinan Teknologi Pengetua dan Hubungan Terhadap Kompetensi ICT Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban dan Kuala Pilah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*. Dipetik dari <http://www.unisza.edu.my/medc2018>. Pada 12 Mac 2019.
- Noor Zailani, K., & Azlin Norhaini, M. (2017). Kompetensi Guru Besar Dan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Rendah Di Daerah Padang Terap Kedah. *Prosiding Pendidikan Serantau ke-VIII (2017)*. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Nurulakhma, Y., Harun, B., & Hamzah, M. I, M. (2017). Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Malaysian Online Journal of Education*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Okenyi, S. & Enyi, G. S. (2015). Predictive value of gender on ego identity and achievement behaviour of schooling adolescents in Enugu State of Nigeria. *International Journal of Education and Research*, Vol. 3, No. 1: 271 – 282.
- Ongowo, R. & Hungu, S. (2014). Motivational beliefs and self-regulation in Biology learning: Influence of ethnicity, gender and grade level in Kenya. *Creative Education*, 5: 218 – 227.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM: 2013-2025). (2012). *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Dipetik dari <http://www.moe.gov.my/v/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>. Pada 26 Mei 2019.
- Richardson, G. E. (2011). *Teacher efficacy and its effects on the academic achievement of African American Studies*. (Doctoral Dissertation), Greenleaf University.
- Sathiamoorthy, K. (2013). *Kepimpinan teknologi pengetua. Kolokium ICT dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan 2013*. Institut Aminuddin Baki.
- Scherer R and Siddiq F (2015). Revisiting teachers’ computer self efficacy: A differentiated view on gender differences. *Computers in Human Behavior*, 53: 48-57.
- Scherer, R., Tondeur, J., & Siddiq, F. (2017). On the quest for validity: Testing the factor structure and measurement invariance of the technology-dimensions in the Technological, Pedagogical, and Content Knowledge (TPACK) model. *Computers & Education*, 112, 1–17.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). *Research Methods for Business; A Skill Building Approach (5th Ed.)*. John Wiley & Sons Ltd. Publication, United Kingdom.
- Shafinaz, A. Maulod. (2017). *Hubungan antara kecerdasan emosi dan kepimpinan instruksional pengetua dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan/Shafinaz A. Maulod* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Talip, B. (2010). *Hubungan Kepimpinan Instruksional Pengetua Dengan Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Menengah di Daerah Saratok, Sarawak*. (Tesis Sarjana Sains, Pengurusan Pendidikan). Universiti Utara Malaysia.
- Thannimalai, Raamani and Raman, Arumugam (2018). The Influence of Principals’ Technology Leadership and Professional Development on Teachers’ Technology Integration in Secondary Schools. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 15(1), 201- 226
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., and Hoy, W. k. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68: 202-248.

- Tschannen-Moran, M and Hoy, A. W (2001). Teacher Efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education, 17*: 783-805.
- Tschannen-Moran, M., & Gareis, C. R. (2015). Faculty Trust in The Principal: An Essential Ingredients in High-Performing Schools. *Journal of Educational Administration, 53*(1): 66-92.
- Utusan Borneo Sabah. (2017). *Kualiti Pengajaran Guru: Isu dan Cabaran Semasa*. Dipetik dari <https://www.pressreader.com/Malaysia/utusan-borneo-sabah/20170419/282643212426811>. Pada 16 Oktober 2019.
- Wan Noraini, W. K. (2011). *Efikasi Pensyarah dan Hubungannya Dengan Kompetensi Pensyarah Teknikal Politeknik Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Widhyanti, R. & Shahril @ Charil, M. (2016). Headmaster Instructional Leadership and Organizational Learning on The Quality of Madrasah and The Quality of Graduates the State Madrasah Aliyah at Jakarta Capital Region. *Higher Education Studies, 6*(1): 159-168.